



Headline: Dua ahli sindiket Macau Scam diberkas Language: Malay
perdaya pesara RM3.83j
Publication/Portal: Kosmo
Date: 8 September 2020
Section: Negara
Page: 8

Dua ahli sindiket *Macau Scam* diberkas perdaya pesara RM3.83j



DUA suspek diberkas polis selepas dipercayai terlibat dalam kes penipuan *Macau Scam* dalam operasi di Shah Alam, Selasa lalu.

PETALING JAYA – Dua lelaki yang menjadi buruan polis sejak Julai lalu selepas dipercayai terlibat kes penipuan *Macau Scam* sehingga mengakibatkan kerugian RM3.83 juta diberkas dalam operasi di sebuah restoran di Shah Alam.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd. Faisal berkata, tangkapan ke atas suspek tempatan berusia 36 dan 43 tahun pada Selasa lalu itu dibuat hasil maklumat dan risikan polis selepas menerima laporan daripada mangsa.

“Seorang wanita berusia 90 tahun mengalami kerugian RM3.83 juta pada Julai lalu. Kedua-dua suspek adalah orang tengah dalam kes tersebut.

“Selain tangkapan, polis merampas telefon bimbit yang dipercayai digunakan dalam kegiatan tersebut,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kedua-dua suspek ditahan reman bagi membantu siasatan

dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, mangsa menerima panggilan daripada seorang individu mendakwa petugas syarikat kurier yang memaklumkan ada bungkusan dihantar dari Ipoh mengandungi kad pengenalan dan kad bank atas nama mangsa pada 13 April lalu.

“Panggilan telefon itu kemudian disambungkan kepada seorang lelaki menyamar Inspektor sebelum mangsa didakwa terlibat dalam pengubahan wang haram,” katanya.

Bimbang dengan ugutan itu, mangsa mengikut arahan suspek dan memindahkan wang simpanannya ke dalam tujuh akaun syarikat berbeza antara April hingga Jun lalu berjumlah RM3.83 juta.

Justeru, Nik Ezanee menasihati orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan tipu helah yang digunakan sindiket *Macau Scam*.